

05 MAY 1999

Ting-Kemudahan

KERAJAAN KAJI KEMUNGKINAN WAJIBKAN PEMAJU SEDIA KEMUDAHAN SOSIAL

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mewajibkan para pemaju perumahan menyediakan kemudahan sosial seperti dewan orang ramai dan taman rekreasi bagi mengelakkan kawasan lapang yang disediakan terbiar begitu sahaja.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, pihak pemaju kini disyaratkan menyediakan kawasan lapang sahaja untuk tujuan pembinaan sekolah, klinik dan kemudahan sosial lain tetapi terserah kepada pihak berkuasa majlis tempatan membina kemudahan-kemudahan itu.

"Bagaimanapun, kebanyakan majlis tempatan adalah kecil dan tidak kukuh dari segi kewangan dan ini menyebabkan kawasan lapang terbiar dan tidak diselenggarakan dengan baik," katanya selepas menerima sumbangan RM10,000 daripada Pengarah Urusan A'Famosa Golf Resort Berhad, Alex Lau bagi Tabung Kemanusiaan JE, di sini hari ini.

Ting berkata Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial yang dipengerusikan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengarahkan kementerian beliau mengkaji kemungkinan kemudahan ini disediakan pihak pemaju.

Beliau berkata kementerian akan mengkaji kebaikan dan kelemahan jika disediakan pihak berkuasa majlis tempatan atau pemaju swasta dan akan mendapatkan maklum balas dari semua pihak yang terlibat.

Katanya, kajian itu akan mengambil kira kos yang mungkin terlibat dan siapa yang perlu menanggungnya jika pihak pemaju diwajibkan mengadakan kemudahan itu atau peruntukan yang diperlukan jika kerajaan membinanya sendiri.

Ting berkata banyak masalah timbul sekarang kerana 58.6 peratus daripada 7,262 hektar kawasan lapang yang sedia ada belum diwartakan dan kerajaan negeri dan pihak majlis tempatan telah diarahkan mewartakannya dengan segera bagi mengelakkan ia digunakan untuk tujuan komersial.

Selain menjadikan pembinaan kemudahan sosial sebagai syarat pemberian lesen pemaju, Ting berkata kawasan lapang yang terdapat di kawasan perumahan juga boleh dimajukan sendiri oleh penduduk setempat.

Ting juga berkata kementerian itu kini mengadakan mesyuarat dua kali seminggu bagi meneliti dan memastikan semua projek seperti perumahan kos rendah dan pembinaan balai bomba berjalan dengan lancar dan kontraktor dibayar tepat masanya.

Katanya, ia selaras dengan arahan Kabinet dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang mahukan semua kementerian mengadakan mesyuarat dua kali seminggu bagi memastikan pelaksanaan semua projek kerajaan berjalan dengan baik dan mengikut jadual.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas bahawa tanda-tanda menunjukkan bahawa pada penghujung tahun ini sebahagian daripada peruntukan tidak akan dibelanjakan akibat proses pengeluaran peruntukan yang perlahan, terutama oleh pihak berkuasa majlis tempatan.

-- BERNAMA

AR zb